

12/BKH/2025



AGensi KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

**AKPS BUKIT KAYU HITAM PATAH CUBAAN BAWA MASUK 200 KG
LENGKUAS TANPA PERMIT SAH**

BUKIT KAYU HITAM, 25 JULAI 2025 – Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) Bukit Kayu Hitam, Kedah telah berjaya mematahkan cubaan membawa masuk produk pertanian tanpa permit sah iaitu lengkuas bernilai RM 3,200, semalam.

Rampasan tersebut dibuat dalam satu pemeriksaan ke atas sebuah kontena pada jam 9.40 malam. Hasil pemeriksaan mendapati sejumlah 200 kg lengkuas (*Alpinia Galanga*) dari berat muatan keseluruhan hasil pertanian berjumlah lebih 44,000 kg tidak mempunyai Perakuan Pemasaran 3P daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Lengkuas itu seterusnya telah disita untuk tindakan lanjut.

Perbuatan mengimport apa-apa keluaran pertanian tanpa perakuan atau permit yang sah adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

AKPS sentiasa komited dalam memperketatkan kawalan di semua pintu masuk sempadan negara bagi memastikan kawalan biosekuriti terjamin dan membanteras sebarang aktiviti penyeludupan yang boleh mengancam industri pertanian serta keselamatan makanan negara.

Gambar berkaitan:

<https://drive.google.com/drive/folders/1B8MlyzOcl2f637yF1gvlaaLnak4ApEs?usp=sharing>

TAMAT

25 JULAI 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

AGensi KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

KEMENTERIAN DALAM NEGERI